

27 JUL 1996
Sarawak-pilihan raya
TAIB AKAN JUMPA PM MENGENAI PILIHANRAYA NEGERI

KUCHING, 27 Julai (Bernama) -- Ketua Menteri Sarawak Tan Sri Haji Abdul Taib Mahmud akan berunding dengan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengenai tarikh pembubaran Dewan Undangan Negeri.

Bagaimanapun, jurucakap Barisan Nasional (BN) Sarawak, Datuk Adenan Haji Satem yang menyatakan demikian hari ini tidak menyebut bila Taib akan berjumpa dengan Perdana Menteri.

Beliau berkata BN negeri telahpun menyelesaikan peruntukan kerusi yang akan ditandingi oleh parti-parti komponen.

Semasa bercakap kepada pemberita selepas mesyuarat Majlis Tertinggi BN Sarawak, Adenan berkata majlis itu telah memberi persetujuan penuh dengan peruntukan kerusi itu.

"Setiap parti komponen akan diberi hak untuk memilih calon untuk sekurang-kurangnya satu kerusi tambahan," kata beliau membaca kenyataan yang telah disediakan. Taib yang turut berada di situ enggan bercakap dengan pemberita.

Menurut Adenan, majlis itu telah memberi mandat penuh kepada Taib untuk menyelesaikan semua perkara lain termasuk pemilihan calon untuk bertanding pada pilihan raya negeri itu.

Sementara itu, kata beliau semua parti komponen diarahkan supaya membuat persediaan untuk menghadapi pilihan raya negeri itu seperti menubuhkan jentera pilihan raya termasuk jawatankuasa penyelarasan antara mereka.

"Mereka dijangka menyerahkan senarai calon kepada Taib sedikit masa lagi," kata Adenan.

Kata beliau majlis itu juga mengarahkan parti-parti komponen mengawasi anggota-anggota yang terlibat aktiviti anti BN dan memberi amaran mereka ini akan dikenakan tindakan disiplin termasuk dipecat.

Anggota-anggota parti komponen digesa supaya bekerjasama untuk menentukan kemenangan semua calon BN dan mereka tidak seharusnya terlibat dengan orang-orang yang telah disingkir atau digantung oleh BN, kata beliau.

-- BERNAMA
AHM WAT AHH